

Calon UMNO tidak bertanding disah enggan bekerjasama

UM 12 DEC 1999

KUALA TERENGGANU 11 Dis — Pengerusi Jawatankuasa Be dah Siasat UMNO negeri Da tuk Abdul Rashid Ngah hari ini mengesahkan ada ahli UMNO yang tldak dicalonkan pada pili han raya lalu tldak memberikan kerjasama dan membantu ra kan bertandmg

Beliau bagaimanapun menje laskan jumlah itu tldak ramai malah ia juga bukan menjadi penyebab kekalahan kerajaan Barisan Nasional (BN) Tereng ganu kepada Pas dalam pilihan raya itu

Ada tapi tak ramai Malah jumlah mereka yang tak beri kerjasama kepada rakan sangatlah kecil Masalah ini bukanlah penyebab kekalahan BN kepada Pas katanya ketika dihubungi di sini hari ini

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Da tuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membidas sikap ahli parti gabu ngan BN khususnya UMNO menyebabkan berlaku undi pecah sehingga Terengganu di tawan Pas

Langsung

Menurut Perdana Menteri ada ahli BN terutama yang tldak dicalonkan semula bukan saja enggan membantu calon lam malah langsung tldak be kerja sehmgga beberapa bilik gerakan terus ditutup

Abdul Rashid memberitahu berdasarkan perbmcangan awal kini pihaknya mendapati b a

nyak faktor yang menjadi pe nyebab kekalahan BN di Tere ngganu

Bagaimanapun faktor faktor ini sedang dibuat kajian menca kupi semua permgkat dalam parti Saya t a k berani n a k komen katanya

Sementara itu bekas Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad pula berkata Perhubu ngan UMNO negeri sedang membuat soal selidik mengenai perkara itu

Kita sebenarnya tak berani nak buat tuduhan kepada sesia pa kerana kita lihat jentera jentera parti kita bergerak de ngan baik Yang pasti kalau kita bersatu kita akan kuat dan teguh katanya

16